



Tradisi Kita, Khazanah Kita

# Festival Sarawakiana

TEMA : DAUN | 1 - 30 SEPTEMBER 2021

## Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak Etnik Sarawak

### Kategori Pertandingan :

Kategori A : Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak Etnik Sarawak

Kategori B : Pertandingan Peragaan Pakaian Kontemporari Kanak-Kanak Etnik Sarawak



Penyertaan terbuka untuk kanak-kanak berumur lima (5) tahun sehingga sepuluh (10) tahun sahaja



Rakaman video berdurasi antara tiga (3) hingga lima (5) minit



Hadiiah lumayan berupa wang tunai menanti anda



Sijil penyertaan disediakan

Anjuran :



Dengan kerjasama :



JKKN  
JABATAN KEBUDAYAAN  
& KESENIAN NEGERA  
جامعة كوبوديان و كنسينيان نڬارا



Saluran :



Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Pustaka Negeri Sarawak, Kuching

Shafinaz Afidia

082-440 488 (233)

shafiaaa@sarawak.gov.my

Pustaka Negeri Sarawak, Sibu

Fiona Ravia

084-315 200

fionarav@sarawak.gov.my

Pustaka Negeri Sarawak, Miri

Dayangku Fazira

085-422 525

pustakaswk2021@gmail.com

Tarikh :

Tarikh Akhir Penghantaran  
Video Peragaan

Sabtu, 31 Julai 2021



# Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak Etnik Sarawak

## A. Maklumat Pertandingan

- 1 Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-kanak Etnik Sarawak diadakan bersempena dengan **Festival Sarawakiana 2021** yang dijadualkan pada **1 sehingga 30 September 2021** melalui saluran media sosial rasmi Pustaka Negeri Sarawak di Facebook dan YouTube.
- 2 Tema bagi Festival Sarawak 2021 adalah "**Daun**". Daun mencerminkan kepentingan dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat etnik di Sarawak dari segi perubatan tradisional, adat dan tradisi, seni halus, kraftangan, makanan, sejarah, muzik dan permainan yang menjurus kepada usaha berterusan dalam menjaga dan memelihara kelestariannya untuk generasi masa depan seperti yang termaktub dalam UNESCO Sustainable Development Goal (SDG 11).
- 3 Objektif pertandingan ini adalah:
  - i. Untuk mempromosikan peranan Pustaka sebagai pemangkin budaya pembelajaran sepanjang hayat;
  - ii. Untuk memartabatkan adat, budaya dan tradisi serta meningkatkan kandungan kearifan tempatan berkaitan dengan pakaian tradisional etnik Sarawak.
- 4 Pertandingan ini dilaksanakan secara rakaman sendiri oleh peserta dengan memperagakan pakaian tradisional etnik Sarawak atau pakaian kontemporari etnik Sarawak, di mana pematuhan kepada prosedur kerja selamat pencegahan COVID19 sepanjang terlibat dengan program ini adalah amat dititikberatkan.
- 5 Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-kanak Etnik Sarawak merupakan anjuran Pustaka Negeri Sarawak.

## B. Terma & Syarat

- 1 Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan TERHAD kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur **lima (5) tahun sehingga sepuluh (10) tahun sahaja**.
- 2 Penyertaan adalah **PERCUMA**.
- 3 Setiap peserta hendaklah ahli berdaftar Pustaka Negeri Sarawak dan u-Pustaka. Pendaftaran keahlian **Pustaka Negeri Sarawak** adalah **PERCUMA** seumur hidup melalui Sarawak ID dipautan <https://sarawakid.sarawak.gov.my/web/ssov1/login/> dan keahlian **U-Pustaka** melalui **U-Pustaka Portal** dipautan <https://www.u-library.gov.my/portal/web/guest/registration> ).
- 4 Pertandingan adalah terbahagi kepada **kategori** seperti berikut :
  - i. **Kategori A :**  
**Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Etnik Sarawak**
    - a) Kategori ini terbuka untuk peserta kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur **lima (5) sehingga sepuluh (10) tahun** sahaja.



## Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak Etnik Sarawak

- b) Bagi kategori ini, peserta hendaklah **memperagakan pakaian tradisional etnik Sarawak yang lengkap**.
  - c) **Video rakaman peragaan** hendaklah **berdurasi sekurang-kurangnya tiga (3) sehingga lima (5) minit** dengan kandungan video seperti berikut :
    - ✓ **Pengenalan Diri** (Nama, Umur, Etnik/Kaum, Asal) sekurang-kurangnya satu (1) minit.
    - ✓ **Mesej** berkaitan dengan **adat, budaya dan warisan**.
    - ✓ **Peragaan pakaian tradisional** sekurang-kurangnya dua (2)minit mengikut kreativiti anda.
- ii. Kategori B**
- Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kontemporari Etnik Sarawak**
- a) Kategori ini terbuka untuk peserta kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur lima (5) sehingga sepuluh (10) tahun sahaja.
  - b) Bagi kategori ini, peserta hendaklah **memperagakan pakaian tradisional kontemporari etnik Sarawak**.
  - c) Peserta digalakkan merekacipta pakaian kontemporari yang bersesuaian dengan tema pakaian tradisional etnik Sarawak dan bersertakan elemen-elemen tema Festival Sarawakiana 2021.
  - d) **Video rakaman peragaan** hendaklah **berdurasi tiga (3) sehingga lima (5) minit** dengan kandungan video seperti berikut :
    - ✓ **Pengenalan Diri** (Nama, Umur, Etnik/Kaum, Asal) sekurang-kurangnya satu (1) minit.
    - ✓ **Mesej** berkaitan dengan **adat, budaya dan warisan**.
    - ✓ Peragaan pakaian tradisional serta mengikut kreativiti sekurang-kurangnya dua (2)minit.
- 5 Seorang **peserta dibenarkan** untuk **mengikuti kedua-dua kategori pertandingan** dengan menghantar borang penyertaan yang lengkap secara berasingan, **namun** peserta **tidak dibenarkan** untuk **menghantar lebih dari satu (1) penyertaan** untuk **setiap kategori pertandingan**.
- 6 Kos pakaian dan kostum adalah di bawah tanggungan peserta sendiri.
- 7 Pakaian mestilah mengikut tema yang ditetapkan, tidak berkaitan dengan isu perkauman, sensitiviti agama dan politik.
- 8 Kreativiti pakaian yang dipakai dan cara memperagakan juga diambil kira dalam pemarkahan.
- 9 Pertandingan ini dijalankan dengan menghantar video rakaman peragaan pakaian tradisional atau kontemporari oleh peserta dan pemenang akan disiarkan di atas talian melalui saluran media sosial rasmi Facebook dan YouTube Pustaka Negeri Sarawak.



## Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak Etnik Sarawak

- 10 Format rakaman video adalah seperti berikut;
- Rakaman video peragaan pakaian tradisional/kontemporari etnik Sarawak hendaklah dalam **mod landscape**, dengan resolusi minima video adalah **Full HD 1080p (1920 x 1080 pix)** serta dalam format **.MP4** dengan **durasi** video sekurang-kurangnya **tiga (3) sehingga lima (5) minit**.
  - Rakaman video peragaan pakaian tradisional/kontemporari etnik Sarawak hendaklah jelas dari segi rakaman video dan audio.
  - Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hakcipta yang melibatkan fesyen, muzik dan seumpamanya.
  - Video harus dimuat naik dalam talian di platform seperti YouTube atau Google Drive.
  - Video yang dimuat naik dalam YouTube hendaklah disimpan **"unlisted"** dan hanya boleh diakses oleh penganjur. Video tersebut tidak boleh dikongsi secara terbuka sebelum pengumuman keputusan pertandingan.
- 11 Penyertaan peserta secara automatiknya akan terbatal sekiranya tidak mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur dan keputusan hakim adalah muktamad.

### C. Kriteria Pemarkahan

- Kriteria pemarkahan **Peragaan Pakaian Tradisional** adalah seperti berikut :
  - Pengenalan (10%)
  - Penampilan dan kekemasan (10%)
  - Postur Badan (10%)
  - Peragaan, gaya dan persembahan (30%)
  - Kreativiti (20%)
  - Keaslian (20%)
- Kriteria pemarkahan **Peragaan Pakaian Kontemporari Tradisional** adalah seperti berikut :
  - Pengenalan (10%)
  - Penampilan dan kekemasan (10%)
  - Postur Badan (10%)
  - Peragaan, gaya dan persembahan (30%)
  - Kreativiti (20%)
  - Kualiti, keaslian dan keunikan (20%)



Portrait



Landscape



## Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak Etnik Sarawak

Festival Sarawakiana  
Tema: DAUN | 1 - 30 SEPTEMBER 2021

### D. Penghantaran Penyertaan & Video

- 1 Peserta dikehendaki menghantar pautan (*link*) **rakaman video peragaan, satu gambar full body** mengayakan pakaian tradisional/kontemporari dan **borang penyertaan** yang lengkap melalui emel ke [pustakaswk2021@gmail.com](mailto:pustakaswk2021@gmail.com) dengan tajuk emel PENGHANTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN PERAGAAN PAKAIAN TRADISIONAL KANAK-KANAK ETNIK SARAWAK : (NAMA PENUH PESERTA)

Atau

PENGHANTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN PERAGAAN PAKAIAN TRADISIONAL KONTEMPORARI KANAK-KANAK ETNIK SARAWAK : (NAMA PENUH PESERTA) pada atau sebelum **Sabtu, 31 Julai 2021**.

- 2 **Penyertaan** adalah **tehad** kepada **satu ratus (100) penyertaan terawal dan lengkap** sahaja untuk setiap kategori.
- 3 Pustaka Negeri Sarawak berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap atau diterima lewat daripada tarikh tutup penyertaan.  
Penganjur berhak menangguh, membatal, mengubah atau mengemaskini dan/atau melanjutkan hari pertandingan mengikut situasi semasa pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

### E. Hadiah & Sijil

- 1 Keputusan panel juri adalah MUKTAMAD. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
- 2 Pemenang akan dihubungi melalui emel dan telefon.
- 3 Penganjur hanya menyiar nama pemenang untuk johan, naib johan dan tempat ketiga bagi semua kategori yang akan diumumkan semasa **Majlis Penangguhan Festival Sarawakiana 2021** pada **30 September 2021**. melalui media sosial rasmi Facebook dan YouTube Pustaka Negeri Sarawak.
- 4 Tawaran hadiah bagi setiap pemenang adalah seperti berikut :

#### 1) Kategori A: Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Etnik Sarawak

**Juara** : RM 600.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

**Naib Juara** : RM 500.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

**Tempat Ketiga** : RM 400.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

**Saguhati (10 tempat)** : RM 100.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

#### 2) Kategori B : Pertandingan Peragaan Pakaian Kontemporari Etnik Sarawak

**Juara** : RM 600.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

**Naib Juara** : RM 500.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

**Tempat Ketiga** : RM 400.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

**Saguhati (10 tempat)** : RM 100.00 Wang Tunai + Sijil Kemenangan

- 5 Setiap peserta yang menghantar penyertaan akan menerima sijil penyertaan.



## Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-Kanak Etnik Sarawak

### F. Tuntutan Hakcipta

- 1 Pustaka Negeri Sarawak berhak untuk menerbit, mengeluar, memapar, mengedar, menyunting dan menayang pada skrin segala hasil karya video yang menang atau tidak di laman sesawang, pameran serta di semua saluran media sosial untuk tujuan promosi, rujukan dan pemeliharaan.

### G. Urusetia Pertandingan

- 1 Untuk pertanyaan/keterangan lanjut, sila hubungi:

*Urusetia*

**Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Kanak-kanak Etnik Sarawak**  
Festival Sarawakiana 2021

**Pustaka Negeri Sarawak, Kuching/  
State Records Repository**

Jalan Cahya Indah, Off Jalan Sultan Tengah  
93050 Kuching, Sarawak  
Tel: 6082-440488, Fax: 6082-440484  
u.p : **Shafinaz Afidia Andrew Affendy**  
✉ shafiaaa@sarawak.gov.my

**Pustaka Negeri Sarawak, Sibu,**  
Jalan Tun Tuanku Bujang,  
Sungai Merah,  
96000 Sibu, Sarawak  
Tel: 6084-315200  
u.p : **Fiona Ravia Asing**  
✉ fionarav@sarawak.gov.my

**Pustaka Negeri Sarawak, Miri**

Jalan Kipas, Miri City Fan  
98000 Miri, Sarawak.  
Tel : 085 - 422 525  
Faks : 085 - 414 444  
✉ pustakaswk2021@gmail.com  
u.p : **Dayangku Fazira**



Pertandingan Peragaan  
**Pakaian Tradisional Kanak-Kanak**  
Borang Pengertaan



**A. Kategori Pertandingan** (Mohon isi dan tanda ( / ) pada yang berkenaan:)

|                   |   |  |
|-------------------|---|--|
| <b>Kategori A</b> | Pertandingan Peragaan <b>Pakaian Tradisional</b><br>Etnik Sarawak           |  |
| <b>Kategori B</b> | Pertandingan Peragaan <b>Pakaian Tradisional Kontemporari</b> Etnik Sarawak |  |

**B. Maklumat Peserta** (Sila isi ruangan yang disediakan dengan lengkap.)

|  |               |
|--|---------------|
| <b>Nama Penuh :</b>  |               |
| <b>No. My Kid :</b>  | <b>Umur :</b> |
| <b>Memperagakan Pakaian Tradisional /</b><br><b>Kontemporari Etnik</b> | :             |

**C. Maklumat Ibu/Bapa/Penjaga** (Sila potong yang tidak berkenaan.)

|                             |               |
|-----------------------------|---------------|
| <b>Nama Penuh :</b>         |               |
| <b>No. Kad Pengenalan :</b> |               |
| <b>No. Telefon :</b>        | <b>Emel :</b> |
| <b>Alamat :</b>             |               |
|                             |               |
|                             |               |

**D. Deklarasi Kebenaran \*Ibu/Bapa/Penjaga**

(\*Sila potong yang tidak berkenaan.)

Dengan ini, saya (seperti penama di bawah) bersetuju untuk membenarkan anak di bawah jagaan saya untuk menyertai **\*Kategori Pertandingan Peragaan Pakaian Tradisional Etnik Sarawak/ Kategori Pertandingan Peragaan Pakaian Kontemporari Etnik Sarawak** dengan mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pengajur.

|  |  |
|--|--|
|  |  |
|--|--|

**Nama :**

**Tarikh :**